

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PENGUATKUASAAN KPDNHEP KE ATAS AKTIVITI PENJUALAN JERSI TIRUAN SEMPENA KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA DUNIA FIFA 2022

PUTRAJAYA, 15 November 2022 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melaksanakan pemantauan ke atas penjualan jersi tiruan di seluruh Negara bersempena kejohanan bola sepak Piala Dunia FIFA 2022 yang bakal berlangsung pada 20 November 2022 sehingga 18 Disember 2022.

2. Berdasarkan statistik penguatkuasaan berhubung pakaian tiruan yang dilakukan di seluruh Negara sejak lima (5) tahun kebelakangan ini bermula 1 Januari 2018 sehingga 31 Oktober 2022, sebanyak 526 kes telah dihasilkan melibatkan nilai rampasan berjumlah RM 11.6 juta. Tindakan penguatkuasaan melibatkan pelbagai jenis barangan lain juga dijalankan antaranya melibatkan makanan/minuman, kosmetik, bahan petroleum, barang elektrik, alat ganti kenderaan, alat komunikasi, perkakasan komputer dan sebagainya.

3. KPDNHEP sentiasa menjalinkan kerjasama dengan pemilik cap dagang berdaftar (*brand owner*) bagi memastikan setiap aduan dan tindakan penguatkuasaan yang diambil di bawah Akta Cap Dagangan 2019 dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan termasuklah aktiviti penjualan barang tiruan yang dilakukan secara dalam talian (*online*).

4. Mana-mana orang yang didapati melakukan kesalahan dengan menjalankan aktiviti penjualan barangan tiruan boleh diambil tindakan dan disiasat di bawah Akta Cap Dagangan 2019, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 10,000 bagi setiap barangan atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun bagi perseorangan. Manakala bagi suatu pertubuhan perbadanan boleh didenda tidak melebihi RM 15,000 bagi setiap barangan yang disyaki tiruan.

5. KPDNHEP ingin memberikan amaran kepada semua peniaga agar sentiasa mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan termasuklah dengan tidak menjual jersi tiruan bagi mengelakkan dikenakan tindakan yang tegas di bawah peruntukan undang-undang ini. Selain tindakan di bawah Akta Cap Dagangan 2019, KPDNHEP akan mengambil tindakan penguatkuasaan lebih tegas tanpa kompromi di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 kepada mana-mana individu atau syarikat yang didapati bersalah dalam membekal dan menjual barangan tiruan atau menyediakan dan menyewakan premis bagi tujuan aktiviti penjualan barangan tiruan jika disabitkan kesalahan.

6. Pengguna juga dinasihatkan agar sentiasa berhati-hati di dalam melakukan pembelian termasuklah secara dalam talian agar tidak mudah terpedaya serta tidak menyokong penjualan barangan tiruan kerana dikhuatiri boleh mengakibatkan kerugian dan menjejaskan keselamatan pengguna itu sendiri.

7. Sekiranya orang ramai mempunyai maklumat berhubung penjualan barangan tiruan boleh melaporkan kepada pihak KPDNHEP melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000
- ii. Portal Aduan; e-aduan.kpdnhep.gov.my
- iii. Call Centre 1-800-886-800
- iv. Emel e-aduan@kpdnhep.gov.my
- v. Ez ADU KPDNHEP

Azman bin Adam
Ketua Pengarah Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,

PUTRAJAYA, 15 November 2022

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran. Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampunkan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapkan dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan niaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

